

'Bahasa tak sama dengan agama'

88 - 6 AUG 1983

KELANA JAYA, Jumaat — PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyelar golongan yang suka menggunakan bahasa Arab bagi mempengaruhi dan mengelirukan orang ramai untuk mendapat sokongan mereka.

Tambahnya, ketika merasmikan Gerak Kerja '83, Pergerakan Wanita Umno, di Kompleks Tabung Haji, ramai orang Islam di sini menyamakan bahasa Arab dengan agama Islam.

Beliau seterusnya mengingatkan para peserta Gerak Kerja bahawa ada juga orang-orang Arab yang beragama Kristian menjalankan upacara sembahyang dengan menggunakan bahasa Arab.

"Agama seseorang itu

bukanlah ditentukan oleh bahasa Arab atau bahasa Malaysia," katanya.

Perdana Menteri seterusnya menyatakan ada pula golongan yang menggelar diri sendiri 'ustaz' atau 'ulama' sedangkan ia boleh dipanggil 'guru' atau 'pakar' dalam bahasa Malaysia.

Gelaran

Dalam memberi gelaran, katanya, sepatutnya ia mestilah datang dari orang lain, bukan dari diri sendiri.

Orang yang menggelar diri masing-masing ulama, katanya, bukanlah ulama yang sebenarnya tetapi mempunyai tujuan lain.

Beliau juga mengingatkan, para peserta harus faham mengenai agama supaya tidak mudah terpengaruh dengan tafsiran-tafsiran yang salah.

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan, beliau tidak mahu melihat tafsiran agama yang tidak secocok dan tidak sihat berlaku.

Sekarang ini, katanya, ramai pentafsir-pentafsir agama. Jika seseorang itu kurang faham

tentu akan terpengaruh.

Datuk Seri Dr Mahathir terdahulu dari itu mengingatkan para pemimpin supaya mengetahui asal-usul dan tujuan ditubuhkan Umno.

Katanya, para pemimpin harus mengetahui dengan mendalam supaya tidak mudah menyeleweng atau menyimpang seperti yang terjadi dalam parti lain yang telah bertukar corak menjadi banyak.

Hal ini berlaku, katanya, kerana ada usaha mementingkan diri sendiri dan lupa perjuangan seperti menuntut kemerdekaan.

"Kerana itulah, para pemimpin harus menambah pengetahuan tentang perjuangan negara dan berusaha mencapai objektif yang ditentukan," lambahnya.

Umno, tegasnya, ditubuhkan bukan untuk menentang Malayan Union saja, malah untuk terus memperjuangkan hak-hak orang Melayu dan keturunan lain di negara ini.

Beliau seterusnya mengingatkan para peserta Gerak Kerja tentang pentingnya sikap baru — sikap untuk mengubah nilai-nilai hi-

dup, sesuai dengan kehendak masa.

Tidak guna, katanya, para pemimpin mengakui dan menyanjung nilai yang dikatakan baik tetapi tidak mengamalkannya malah asyik dengan nilai-nilai lain.

"Para pemimpin sendiri harus faham tujuan kerajaan membuat dan membentuk cogan kata dan dasar-dasar baru.

"Kalau setakat melaug-laungkan saja tanpa mengamalkannya, cita-cita tidak akan tercapai," katanya.

Teladan

Dari itu, tambah beliau, wanita haruslah menunjukkan teladan baik, tidak guna cakap saja tanpa mengamalkannya kerana ia tidak akan menentukan kejayaan.

"Kalau pemimpin-pemimpin Umno sendiri tidak faham dan tidak mengamalkannya, mustahil pihak lain boleh berbuat demikian," katanya.

Bercakap saja, kata Perdana Menteri, tidak memadai jika tidak disertakan usaha dan per-

buatan.

"Walaupun tidak lagi terdapat dalam Encyclopedia Brittanica yang menyatakan orang Melayu malas, ini tidak bermakna anggapan mereka telah berubah kecuali kita tunjukkan dengan usaha," kata beliau.